



SIARAN MEDIA

MAKLUMAN SYARAT VAKSINASI MANDATORI BAGI PEJALAN-PEJALAN KELUAR NEGERI (OUTBOUND TRAVELLERS)

Bandar Seri Begawan, Selasa, 1 Jun 2021

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perdana Menteri ingin memaklumkan mengenai **pengemaskinian Garis Panduan Permohonan Keluar Negeri dengan penambahan syarat bagi pejalan-pejalan keluar negeri (*outbound travellers*) untuk mendapatkan suntikan vaksinasi COVID-19 secara mandatori yang akan mula berkuatkuasa pada 1 Ogos 2021**, iaitu seperti berikut:

- Rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang akan memohon kebenaran Jabatan Perdana Menteri untuk membuat perjalanan keluar negeri atas tujuan-tujuan berikut:
 - i. Bertugas di luar negara;
 - ii. *Transport Operators*;
 - iii. Pekerja warganegara asing yang berhasrat untuk pulang ke negara asal bagi tujuan cuti kontrak mandatori (*mandatory contract leave*) dan akan kembali ke Negara Brunei Darussalam (atas pas pekerjaan atau pas tanggungan yang masih sah);
 - iv. Urusan perniagaan; dan
 - v. Urusan-urusan mustahak (*essential travels*) yang lain.

Para pejalan (*outbound travellers*) yang hendak membuat perjalanan keluar negeri bermula tarikh tersebut diatas adalah disyaratkan untuk mendapatkan suntikan vaksinasi COVID-19 secara mandatori dengan **membuat tempahan slot vaksinasi masing-masing melalui aplikasi BruHealth terlebih dahulu sebelum mengunjungi pusat-pusat vaksinasi yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.**



Walau bagaimanapun, para pejalan (*outbound travellers*) adalah diingatkan bahawa **kebenaran perjalanan keluar negeri tidak akan diberikan secara automatik walaupun setelah mendapatkan suntikan vaksinasi mandatori**, yang mana setiap permohonan perjalanan keluar negeri adalah tertakluk kepada penilaian dan kebenaran Jabatan Perdana Menteri sepertimana garis panduan yang pernah dikeluarkan.

Manakala bagi pejalan (*inbound travellers*) yang kembali ke Negara Brunei Darussalam dari mana-mana lapangan terbang luar negara adalah dikehendaki untuk menjalani **pengasingan diri mandatori** di hotel penginapan masing-masing, **tertakluk kepada jangka waktu ditetapkan yang berdasarkan kepada penilaian risiko Kementerian Kesihatan.**

Bagi sebarang maklumat lanjut dan terperinci, orang ramai adalah dinasihatkan untuk melayari laman sesawang Jabatan Perdana Menteri di alamat www.pmo.gov.bn/travelportal bagi garis panduan perjalanan yang terkini, atau menghubungi *travel hotline* di talian **120** semasa waktu bekerja atau melalui e-mel kepada travelapplication@jpm.gov.bn.

JABATAN PERDANA MENTERI

Jalan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BB3913
Negara Brunei Darussalam

19 Syawal 1442
1 Jun 2021



MEDIA RELEASE

MANDATORY VACCINATION FOR OUTBOUND TRAVELLERS

Bandar Seri Begawan, Tuesday, 1st June 2021

With the consent of His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, the Prime Minister's Office would like to inform on **updates to the Exit-Travel Application Guidelines regarding an additional condition for outbound travellers to obtain mandatory injections of the COVID-19 vaccination, which will come into effect starting 1st August 2021,** as follows:

- Citizens and residents of Brunei Darussalam applying for exit-travel applications from the Prime Minister's Office to exit the country for the following purposes:
 - i. Working abroad;
 - ii. Transport Operators;
 - iii. Foreign workers who wish to return to their country of origin for the purpose of mandatory contract leave, and will return to Brunei Darussalam (on a valid employment pass or dependent's pass);
 - iv. Business; and
 - v. Other essential travels.

The outbound travellers who wish to exit the country from the effective date onwards are required to obtain mandatory injections of the COVID-19 vaccination by booking their respective vaccination slots through the **BruHealth application in advance prior to visiting any vaccination centre designated by the Ministry of Health.**



However, the outbound travellers are reminded that **their exit-travel applications will not be granted automatically** even after they have obtained the mandatory vaccination, as every exit-travel application is subject to evaluation and approval from the Prime Minister's Office as per the guidelines issued before.

Meanwhile, all inbound travellers who will return to Brunei Darussalam from any foreign airports will be required to **undergo mandatory self-isolation** at respective hotel accommodation for **a period as determined by the Ministry of Health's risk assessment.**

For further information and details, all travellers are advised to regularly visit the Prime Minister's Office website at www.pmo.gov.bn/travelportal for the most updated entry measures, or please contact our operators at the **120** Travel Applications hotline during working hours or via e-mail at travelapplication@jpm.gov.bn.

PRIME MINISTER'S OFFICE

Jalan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BB3913
Negara Brunei Darussalam

19th Syawal 1442
1st June 2021